

**Jenis Akhbar** : Sinar Harian  
**Tarikh** : 28/07/2019  
**Edisi / Muka Surat** : Nasional / 39  
**Tajuk** : Tukar tanaman yang lebih untung

## Tukar tanaman yang lebih untung

YAN - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mencadangkan Konsortium Koperasi Tanaman Padi Kedah bertukar tanaman daripada padi kepada komoditi lain yang lebih menguntungkan.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, antara tanaman itu ialah jagung, halia dan cili.

Abdul Fattah berkata, negara mengimport jagung bernilai kira-kira RM3 bilion bagi keperluan makanan ternakan dan sehingga kini kementerian menyasarkan 4,000 hektar tanaman jagung.

“Angkasa akan membantu konsortium dari segi kewangan dan peruntukan yang masih berbaki RM200,000,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Agong Perwakilan kali ke-8 di Sungai Limau Dalam semalam.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA